



Rujukan Kami : UPM.BUR.100-1/6/3/B(34)

Tarikh : 6 Februari 2026

PEKELILING BURSAR BIL. 3 TAHUN 2026

PELAKSANAAN PEROLEHAN KERTAS A4 PUTIH 80 GSM MELALUI KONTRAK PUSAT

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Serdang berkenaan dengan pelaksanaan perolehan kertas A4 Putih 80 GSM melalui kontrak pusat.

2. LATAR BELAKANG

Pada 1 November 2025, Kementerian Kewangan Malaysia sekali lagi telah membuat pindaan berkaitan dengan kadar harga perolehan Kertas A4 Putih 80 GSM melalui Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan PP/PK2.5 Kontrak Pusat.

3. PERKARA YANG DIPINDA PADA PEKELILING YANG BAHARU

Pindaan utama pada 1 November 2025 yang dibuat adalah melibatkan harga perolehan Kertas A4 Putih 80 GSM terkini melalui Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan PP/PK2.5 Kontrak Pusat bagi pembekalan Kertas A4 80 GSM untuk kegunaan semua agensi kerajaan di Semenanjung Malaysia termasuk Badan Berkanun Persekutuan bagi tempoh **tiga (3) tahun** mulai **1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027**.

Butiran Kontraktor yang dilantik adalah seperti berikut:

Syarikat/Kontraktor No. Kontrak	Alamat/Pegawai Perhubungan/ No.Tel & Faks/E-mel	Bank
Percetakan Nasional Malaysia Berhad (253940-X) No. Kontrak: PERB/PK/02/2025	Jalan Chan Sow Lin, 50554 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR. No. Tel. : 03 – 9236 6888 No. Faks : 03 – 9222 4773 Emel : cservice@printnasional.com.my <i>Person In Charge (PIC)</i> En Radin Hazar Bin Radin Harun <i>Hot Line 1</i> : 019 - 332 3627 <i>Hot Line 2</i> : 019 - 223 4682	CIMB Bank Menara CIMB Sentral Ground Floor Menara CIMB Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral 50470 KUALA LUMPUR No. Akaun Bank: 8603390115

4. HARGA

Harga asal di bawah kontrak ini adalah harga bersih termasuk kos pembungkusan, kos penyimpanan, kos penghantaran dan fi ePerolehan iaitu RM11.25 bagi satu (1) rim. Mulai **1 November 2025**, harga baharu Kertas A4 Putih 80 GSM di bawah kontrak ini adalah **RM12.04** bagi satu (1) rim.

5. PESANAN MINIMUM

5.1 Pesanan minimum bagi satu penghantaran adalah 50 rim.

5.2 Bagi PTJ yang keperluan tahunannya kurang daripada jumlah pesanan minimum, pembelian di luar Kontrak Pusat hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan melalui e-mel ke kontrakpusat@treasury.gov.my.

5.3 Pihak PTJ hendaklah membuat perancangan perolehan tahunan dan tidak dibenarkan memecah kecil pesanan untuk membolehkan pembelian di luar kontrak Pusat bagi mengelakkan kepada teguran audit.

6. TEMPOH PENGHANTARAN

- 6.1 Tempoh penghantaran ialah dalam tempoh tujuh (7) hari kalender mulai dari tarikh Pesanan Belian dikeluarkan.
- 6.2 Sekiranya syarikat gagal membuat bekalan dalam tempoh penghantaran yang ditetapkan, PTJ dibenarkan setuju terima pembekalan itu dan mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (*Liquidated And Ascertained Damages - LAD*) seperti formula berikut:

$$\frac{\text{Nilai Pesanan Lewat} \times \text{Base Rate}^* \times \text{Bilangan hari lewat}}{365 \text{ hari}}$$

**Base rate* yang dirujuk adalah *base rate* institusi kewangan pada tarikh pesanan dibuat.

7. PESANAN BELIAN

- 7.1 Pesanan Belian hendaklah dibuat terus kepada pihak syarikat yang dilantik seperti di perenggan 3.
- 7.2 Apabila membuat pesanan, PTJ dikehendaki memberi alamat penghantaran yang lengkap serta nama pegawai yang menguruskan bekalan dan nombor telefon untuk dihubungi supaya pembekalan dapat disempurnakan.

8. PEMAKAIAN DAN KUAT KUASA PEKELILING

- 8.1 Pekeliling ini adalah dikecualikan untuk digunapakai bagi perolehan yang menggunakan peruntukan Dana Bukan Kerajaan. Sila rujuk Pekeliling Bursar Bil 2 Tahun 2026 untuk maklumat lanjut.
- 8.2 Pekeliling Bursar ini adalah **berkuat kuasa mulai 11 Februari 2026**. Sebarang pertanyaan berkenaan dengan Pekeliling ini boleh dikemukakan

kepada Pejabat Bursar di talian 03-97696239/6230/4175 atau melalui emel kepada bend_procurement@upm.edu.my atau cust.bursar@upm.edu.my.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkan kepada staf di PTJ masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERILMU BERBAKTI”

Saya yang menjalankan amanah,



SITI AMIRA BINTI SHUKOR
Bursar

Edaran:

Semua Ketua
Pusat Tanggungjawab
Universiti Putra Malaysia